

Pertandingan fotografi UiTM

Kosmo 22/8/06 (ms 29)

BERSEMPENA sambutan ke-50 tahun (1956-2006) Universiti Teknologi Mara (UiTM), universiti itu menganjurkan pertandingan fotografi yang terbuka kepada semua pelajar dan pensyarahnya (termasuklah bekas pelajar dan pensyarah UiTM).

Sebenarnya, tarikh tamat pertandingan fotografi ini ialah pada 10 Julai lalu, tetapi berikutan sambutan yang begitu memberangsangkan, ia telah dilanjutkan sehingga 23 Ogos ini.

Pertandingan ini dibahagikan kepada tiga kategori iaitu kehidupan di kampus, pencapaian dan keindahan seni bina. Kategori pertama memerlukan peserta merakamkan gambar yang melibatkan sebarang aktiviti penghuni UiTM dalam apa jua keadaan dan acara, bermula dari tahun 1956 hinggalah tahun 2006.

Subjek yang diinginkan dalam kategori pencapaian pula mestilah bertumpu kepada sebarang jenis pencapaian, kejayaan, kemenangan, sambutan dan pengiktirafan yang diterima oleh warga UiTM, sama ada di dalam atau luar negara.

Sementara bagi kategori keindahan seni bina pula, subjek

fotografinya mestilah berpusat kepada struktur seni bina, bahagian hadapan bangunan, seni reka dalaman atau apa sahaja yang berkaitan dengan seni bina. Gambar tersebut boleh terdiri daripada mana-mana kampus UiTM seluruh negara yang diambil dalam tempoh 50 tahun penubuhannya.

Gambar-gambar yang ingin dipertandingkan boleh dihantar melalui beberapa format seperti cetakan, negatif filem, transparasi dan digital.

Pemenang bagi setiap kategori akan menerima wang tunai sebanyak RM1,000, sijil pengiktirafan dan gambar tersebut akan diabadikan di dalam buku *UiTM: A Spirit of Challenge*.

Bukan itu sahaja, andainya gambar anda terpilih untuk dijadikan kulit buku tersebut, hadiah bonus RM1,000 akan turut menjadi milik anda.

Berminat? Sila hantarkan penyertaan anda ke:

Pertandingan Fotografi Ulang Tahun ke-50 UiTM

Pejabat Komunikasi Korporat dan Perhubungan Antarabangsa, Universiti Teknologi Mara, 40450 Shah Alam, Selangor.
